

13 AUG 1998

PBB-Timbangan Presiden

ABANG ABU BAKAR BERKEMUNGKINAN TIDAK MENARIK DIRI, KATA PEMBANTU

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkemungkinan tidak akan menarik diri daripada pertandingan bagi jawatan timbalan presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) pada pemilihan parti pada 28 Ogos, menurut seorang pembantu hari ini.

Beliau berkata mulai sekarang, Abang Abu Bakar akan "mengharungi cabaran" yang dihadapinya pada pertandingan tiga penjuru itu walaupun mendapat cuma satu pencalonan.

Abang Abu Bakar, seorang daripada dua penyandang jawatan Timbalan Presiden PBB yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional Negeri, kali ini dicabar oleh dua orang naib presiden parti, Datuk Adenan Satem dan Datuk Abang Johari Tun Openg.

Pengumuman mengenai pertandingan itu dibuat oleh seorang lagi Timbalan Presiden PBB Tan Sri Alfred Jabu yang juga Timbalan Ketua Menteri semasa pencalonan ditutup bagi pemilihan parti di Kuching semalam.

Konvensyen PBB selama tiga hari itu mulai 26 Ogos akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Kali terakhir jawatan Nombor 2 dalam parti dipertandingkan ialah pada 1986 apabila Abang Abu Bakar mengeneipkan cabaran Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Pembantu itu, yang tidak mahu namanya disiarkan berkata hakikat bahawa Abang Abu Bakar memperolehinya cuma satu pencalonan memang "tidak memeranjatkan".

Beliau berkata: " Ini kerana Abang Abu Bakar menghadapi desakan supaya menarik diri daripada pertandingan dan desakan itu begitu hebat sehingga kebanyakan bahagian yang secara tradisi menyokongnya kali ini mengubah haluan".

Beliau berkata kerana menghadapi desakan itu, Bahagian Rejang yang diketuai oleh Abang Abu Bakar pun tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan jawatan itu dan sebaliknya beliau cuma menerima pencalonan tunggal daripada bahagian Limbang.

Secara perbandingan, Adenan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan menerima 32 pencalonan dan Abang Johari, Menteri Pembangunan Perindustrian mendapat 14 pencalonan.

Sementara itu, percubaan sejak dua hari lalu bagi mendapatkan komen daripada Abang Abu Bakar mengenai perkembangan terbaru yang menyelubungi pemilihan parti ternyata gagal.

" Beliau kini sibuk menguruskan persiapan bagi perkahwinan anak perempuannya Ahad ini," menurut pembantu itu.

Ketika menjawab satu soalan, pembantu itu tidak menyatakan dari pihak mana Abang Abu Bakar menghadapi desakan supaya menarik diri daripada pertandingan.

Tetapi beliau menolak andaian bahawa keputusan pertandingan bagi Abang Abu Bakar kesimpulan yang dapat dilihat awal-awal lagi berdasarkan mendapat satu pencalonan.

" Jangan membuat ramalan mengenai pemilihan berdasarkan cuma kepada pencalonan. Maklumat balas kami menunjukkan bahawa banyak bahagian memutuskan tidak mencalonkannya tetapi bagaimana para perwakilan akan mengundi adalah perkara lain.

" Hakikat ini bukan sahaja bagi PBB tetapi juga parti-parti politik

yang lain," kata beliau.

Beliau mengaku bahawa Abang Abu Bakar menghadapi cabaran berat untuk mempertahankan jawatannya tetapi berkata keadaan mungkin berubah dalam tempoh dua minggu sebelum berlangsungnya pemilihan parti.

-- BERNAMA

AU FAZ